

Impak Covid-19 Terhadap Industri Inap Desa (Homestay) di Daerah Tangkak, Johor

Nur Hazim Shafiq Mohd Shah¹ & Indera Syahrul Mat Radzuan^{1,2,*}

¹Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

² Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

* Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2022.03.02.052>

Received 30 September 2022; Accepted 1 November 2022; Available online 1 December 2022

Abstract: Malaysia is known as a country full of cultural diversity and statistical in 2019 recorded a total of 458,899 tourists which is RM29.7 million successfully obtained through the Homestay Programme. The programme shows the prominent effectiveness when international tourists are more easily attracted to the culture of living in the village but most homestay operators who withdraw from continuing this business are due to lack of demand from local and foreign tourists. Due to that, the operator had to find other alternatives to continue the business because there is no income in the management of this homestay. This study was conducted to identify and analyze the challenges faced by homestay operators during the spread of the Covid-19 epidemic. The main objective of this study is to examine strategies to overcome income problems by homestay operators to remain in the homestay industry. This study was conducted in the district of Tangkak, Johor using qualitative methods where data will be taken by interviewing 16 homestay entrepreneurs registered with the Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia and 14 registered with the Malaysian Commission Company. The results of the study found that Covid-19 did indeed have an impact on homestays such as lack of tourists, and homestay users and income decline. The results of the study also found that various strategies were used to overcome the decline such as renting out their homestays and promoting homestays through social media and the internet.

Keywords: Homestay, Covid-19 Impacts, Tourism, Tangkak, Muar

Abstrak: Malaysia dikenali sebagai negara yang penuh dengan kepelbagaian budaya dan statistik pada 2019 merekodkan sebanyak 458,899 pelancong iaitu RM29.7 juta berjaya diperolehi melalui Program Inap Desa. Program ini menunjukkan keberkesanan yang ketara apabila pelancong antarabangsa lebih mudah tertarik

dengan budaya hidup di kampung namun kebanyakan pengusaha homestay yang menarik diri daripada meneruskan perniagaan ini adalah kerana kurangnya permintaan daripada pelancong tempatan dan pelancong asing. Disebabkan itu, pengusaha terpaksa mencari alternatif lain untuk meneruskan perniagaan kerana tiada pendapatan di dalam pengurusan homestay ini. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan analisis cabaran yang dihadapi oleh pengusaha homestay semasa penularan wabak Covid-19. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji strategi untuk mengatasi masalah pendapatan oleh pengusaha homestay untuk kekal dalam industri homestay. Kajian ini dijalankan di daerah Tangkak, Johor dengan menggunakan kaedah kualitatif di mana data akan diambil dengan cara menemu bual pengusaha seramai 16 orang pengusaha homestay berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia serta 14 berdafat dengan Syarikat Suruhanjaya Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa Covid-19 sememangnya memberi impak kepada homestay seperti kekurangan pelancong, dan pengguna homestay dan kemerosotan pendapatan. Hasil kajian juga mendapati bahawa pelbagai strategi digunakan untuk mengatasi kemerosotan seperti menyewakan homestay mereka dan mempromosikan homestay melalui media sosial dan internet.

Kata Kunci: Inap Desa, Kesan Covid-19, Pelancongan, Tangkak, Muar

1. Pengenalan

Program inap desa atau *homestay* ini telah menunjukkan kejayaan sehingga menerima sebanyak 458,899 pelancong iaitu RM29.7 juta berjaya diperolehi pada tahun 2019. Malaysia menerima 20.1 juta pelancong antarabangsa dan merekodkan sejumlah RM66.1 juta pada tahun 2019 (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia 2019). Malaysia dikenali sebagai negara yang penuh dengan kepelbagaiannya budaya dan statistik pada 2019 merekodkan sejumlah 458,899 pelancong iaitu RM29.7 juta berjaya diperolehi oleh Program *Homestay* (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia 2019). Dalam usaha untuk membentuk negara yang maju, program pembangunan telah dan sedang dilaksanakan antaranya Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar, Program Pembangunan Pelancongan di Luar Bandar dan Program Inap Desa. Program Inap Desa atau lebih dikenali sebagai *homestay* merupakan satu pendekatan baru yang dikenal pasti oleh pihak kerajaan untuk membangunkan masyarakat luar bandar.

1.1 Latar Belakang Kajian

Program ini menunjukkan keberkesanannya yang lebih ketara apabila pelancong antarabangsa lebih mudah tertarik dengan budaya hidup di kampung (Zainon, 2010). Menurut Amran Hamzah, (2004), di Malaysia definisi rasmi bagi inap desa mengikut Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia ialah penginapan di mana pelancong tinggal bersama dengan keluarga tuan rumah dan mempelajari gaya hidup serta budaya mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung. Namun kebanyakan pengusaha *homestay* pada masa kini telah menarik diri kerana kekurangan permintaan daripada pelancong domestik dan pelancong asing. Skop kajian ini adalah di daerah Tangkak, Johor yang mempunyai banyak industri *homestay* ini.

1.2 Penyataan Masalah

Kajian oleh UTM dalam the Bureau of Innovation and Consultancy (2009), menyatakan bahawa kebanyakan pengusaha inap desa yang menarik diri daripada meneruskan perniagaan ini adalah kerana kurangnya permintaan daripada pelancong tempatan dan pelancong asing. Disebabkan itu, pengusaha terpaksa mencari alternatif lain untuk meneruskan perniagaan kerana tiada pendapatan di dalam homestay ini. Kebanyakan kajian hanya menumpukan kepada program inap desa atau homestay yang

berjaya sahaja (Kalsom, 2002; Nor Ashikin & Kalsom, 2011; Ibrahim, 2004). Oleh yang demikian, untuk meningkatkan serta mempelbagaikan pengetahuan, kajian ini fokus kepada permasalahan yang dihadapi oleh pengusaha inap desa atau homestay di dalam aspek kekangan serta cabaran.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah terdiri daripada aspek-aspek berikut:

- (i) Apakah cabaran yang dihadapi oleh pengusaha inap desa semasa penularan wabak Covid-19 di daerah Tangkak?
- (ii) Apakah strategi yang dilakukan oleh pengusaha *homestay* untuk kekal di dalam industri *homestay* ini?

1.4 Objektif Kajian

Beberapa objektif telah digariskan untuk mencapai matlamat kajian ini iaitu:

- (i) Untuk mengenalpasti impak yang dihadapi oleh pengusaha *homestay* semasa penularan wabak Covid-19.
- (ii) Untuk mengkaji strategi pengusaha *homestay* di dalam menangani kemerosotan pendapatan akibat Covid-19.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di Daerah Tangkak, Johor kerana kawasan ini mempunyai lebih daripada 20 orang pengusaha *homestay*. Pengkaji akan memfokuskan *homestay* berdekatan supaya kajian ini lebih relevan serta mencapai objektif kajian. Kajian akan menggunakan kaedah data temu duga bersama 30 pengusaha di daerah Tangkak. Kajian ini akan menggunakan beberapa statistik daripada mana-mana sumber yang relevan untuk mencapai objektif.

1.6 Kepentingan Kajian

Penularan wabak Covid-19 masih lagi berlaku dan memberi impak yang buruk kepada pengusaha *homestay* ini. Inap desa ini adalah amat penting kepada ekonomi negara kerana ia membantu pelancong asing dan tempatan untuk mencari tempat tinggal sementara. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji terhadap cabaran oleh pengusaha *homestay* ini serta tindakan yang akan dilakukan untuk kekal dalam industri pelancongan. Kajian ini dilakukan di Tangkak, Johor dan kajian ini amat penting bagi kesedaran kepada kerajaan untuk membuat tindakan sepatutnya kepada industri pelancongan ini. Jika ia tidak dilakukan, maka banyak pengusaha inap desa atau *homestay* ini akan terjejas dengan pendapatan.

2. Kajian Literatur

World Health Organization (WHO, 2020) telah mengumpulkan penemuan dan pengetahuan saintifik antarabangsa mengenai Covid-19.

2.1 Penularan Pandemik Covid-19 di Malaysia

Berdasarkan sumber, ‘*medical news today*’, ramai pakar-pakar bidang perubatan dan kedoktoran menyatakan punca virus ini wujud disebabkan oleh sumber pemakanan haiwan eksotik iaitu kelawar dan tenggiling. (Kandola, 2020). Pada Disember 2019, Wuhan, China melaporkan kes radang paru-paru dan akhirnya *Coronavirus* dikenal pasti. Pada Januari 2020, World Health Organization (WHO) telah menerbitkan berita tentang penemuan virus baru ini. Thailand adalah negara pertama yang mendapat

kes Covid-19 selain daripada China. Pada Februari 2020, WHO mengeluarkan kenyataan tindakan kecemasan dan mengeluarkan strategi perlindungan pada mereka yang berisiko tinggi. Pada Mac 2020, WHO mendapat dana dan juga bersetuju dengan beberapa buah negara untuk mengadakan *solidarity trial* untuk rawatan Covid-19 (WHO, 2020).

Di Malaysia, kes pertama muncul adalah penduduk Malaysia berusia 41 tahun yang baru pulang daripada Singapura dan mempunyai symptom demam dan batuk. Kes kedua pula warga Malaysia berusia 40 tahun yang, merupakan pasangan pada kes pertama (BERNAMA, 2020). Seterusnya, kes meningkat pada Mac 2020 akibat daripada perhimpunan keagamaan di Sri Petaling. (News, 2020).


2.2 Impak Covid-19

Berdasarkan kajian Ozil dan Arun (2020), impak Covid-19 ini amat ketara sehingga banyak sektor dan industri terpaksa ditutup dan dihadkan. Senarai di bawah merupakan beberapa impak terhadap sektor dan industri yang terkesan:

1. Kejatuhan harga minyak dan petroleum
2. Import dan eksport berkurang
3. Sektor kewangan seperti bank
4. Sektor pendidikan
5. Sektor hiburan
6. Industri sukan
7. Industri pelancongan

Secara ringkasnya, banyak sektor dan industri terjejas dari segi pendapatan kerana wabak Covid-19 ini. Di Malaysia, bermulanya Mac 2020, peningkatan kadar pengangguran semakin tinggi (Rajah 1). Selain daripada peningkatan kadar pengangguran, nilai mata wang Ringgit Malaysia juga menyusut daripada 1 USD ke RM4.08 kepada 1 USD ke RM4.26. Nilai tukar yang lemah akan menyebabkan inflasi mendorong kos kerana kos bahan mentah yang diimport semakin meningkat. Ini akan memberi kesan kepada hampir semua sektor terutamanya sektor pembuatan di Malaysia kerana kebanyakan mesin diimport dari China dan Jepun. Sektor pelancongan terjejas dengan nilai ditunjukkan pada tahun 2019, jumlah kedatangan pelancong di Malaysia dicatat pada 26,100,784 tetapi ia telah menurun sebanyak 21,847,787 menjadi 4,252,997 pada pertengahan 2020. Ini kerana terpaksa menghentikan operasi semasa Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP) atau Movement Control Order (MCO).

Rajah 1: Kadar pengangguran malaysia dari 2016 hingga 2020



2.3 Tindakan dan Inisiatif Semasa Penularan Wabak Covid-19 oleh Kerajaan Malaysia

Dalam laporan akhbar Berita Harian oleh Mohd Anwar pada April 2020, tindakan 3 komponen oleh kerajaan iaitu, pencegahan, pembedungan dan kawalan. Tan Sri Muhyiddin berkata perintah kawalan selama 14 hari itu dibuat mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Bagi melindungi rakyat, bantuan perniagaan dan memperkuatkukan ekonomi dalam menghadapi kesan pandemik Covid-19, pada 27 Mac lalu kerajaan telah mengumumkan Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) sebanyak RM250 bilion.

Jadual 1: Bantuan dan inisiatif di bawah PRIHATIN (Berita Harian, 2020)

| | |
|---|--|
| ▪ RM600 elaun diberikan kepada petugas kesihatan dan perubatan | ▪ Bayaran ‘one-off’ kepada pemandu teksi sebanyak RM600 |
| ▪ RM200 elaun diberikan kepada anggota tentera, polis kastam, imigresen, bomba dan Angkatan Pertahanan Awam serta anggota. | ▪ Penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan kepada semua perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk tempoh tiga bulan. |
| ▪ Penangguhan bayaran mana-mana pinjaman selama 6 bulan. | ▪ Penangguhan bayaran ansuran cukai kepada perniagaan yang terjejas dalam sektor pelancongan selama enam bulan. |
| ▪ Pemberian diskau 15 peratus ke atas bil elektrik sektor pelancongan dan dua peratus bagi sektor komersial, industri pertanian dan isi rumah di Semenanjung Malaysia. | ▪ Moratorium pembayaran pinjaman TEKUN, MARA dan koperasi serta mana-mana agensi kerajaan yang memberi pinjaman kepada PKS. |
| ▪ Diskaun tambahan penggunaan kadar elektrik. Kerajaan bersama Tenaga Nasional Berhad menambah peruntukan RM530 juta untuk memberi diskau berperingkat antara 15 peratus hingga 50 peratus mengikut penggunaan kadar elektrik dengan had maksimum 600 kilowatt sebulan. | |

2.4 Inap Desa di Malaysia dan Global

Konsep *homestay* mengambil dimensi lain ketika keluarga menerima belia Jepun untuk tinggal bersama mereka di bawah program pertukaran. Sejak itu, Kementerian Pertanian menggunakan inap desa sebagai pemangkin pembangunan luar bandar (Yusof *et al.*, 2012). *Homestay* adalah rumah persendirian di mana pelancong membayar secara langsung atau tidak langsung untuk tinggal (Lashley, C and Morrison, 2000). Di negara-negara barat, konsep pelancongan desa juga dikenali sebagai pelancongan pertanian atau pelancongan agro yang membolehkan pelancong menikmati gaya hidup petani (Roberts & Hall 2001).

2.5 Industri Inap Desa di Malaysia

Jadual 2 menunjukkan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Kebudayaan terhadap pengusaha inap desa di Malaysia.

Jadual 2: Peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Kebudayaan Malaysia terhadap pengusaha inap desa

| |
|---|
| ▪ Lokasi kediaman: Bersesuaian pengangkutan dan mempunyai penampilan gaya hidup masyarakat |
| ▪ Kemudahan asas: Kemudahan seperti tandas, ruang makan dan tamu bagi memastikan keselesaan |
| ▪ Kebersihan dan keselamatan: Kawasan bersih daripada nyamuk dan insurau disediakan daripada syarikat |
| ▪ Garis panduan: Keselamatan kebersihan merupakan garis panduan asas dalam inap desa |

-
- Peralatan dan perkakas: Peralatan yang digunakan harus dicuci dan penyediaan harus yang bersesuai bagi elakkan keracunan makanan
-

Ketiadaan kedatangan pelancong asing di Malaysia bukanlah suatu perkara yang biasa kerana Malaysia terkenal dengan aktiviti pelancongannya. Kegunaan *homestay* pada tahun 2021 iaitu bulan Mac menunjukkan sifar pelancong asing bagi kebanyakkan negeri-negeri di Malaysia (Jadual 3). Hanya pelancong tempatan yang menggunakan *homestay* pada tahun 2021 bulan Mac.

**Jadual 3: Pendapatan dan kategori pelancong di Malaysia
(Kementerian Pelancongan dan Seni Budaya Malaysia, 2021)**

| Bil. | Negeri | Jumlah Pendapatan | Pelancong Domestik | Pelancong Asing | Jumlah Pelancong |
|------|--------------|-------------------|--------------------|-----------------|------------------|
| 1. | Perlis | RM2,150.00 | 45 | 0 | 45 |
| 2 | Kedah | RM73,816.00 | 1331 | 0 | 1,331 |
| 3 | Pulau Pinang | RM35,650.00 | 117 | 5 | 122 |
| 4 | Perak | RM20,505.00 | 458 | 0 | 458 |
| 5 | Selangor | RM17,240.00 | 837 | 0 | 837 |
| 6 | Melaka | RM 5,000.00 | 0 | 0 | 0 |
| 7 | N. Sembilan | RM74,913.00 | 182 | 0 | 182 |
| 8 | Johor | RM69,599.00 | 1,671 | 0 | 1,671 |
| 9 | Kelantan | RM99,940.00 | 231 | 0 | 231 |
| 10 | Terengganu | RM13,100.00 | 47 | 0 | 47 |
| 11 | Pahang | RM17,150.00 | 309 | 0 | 309 |
| 12 | Sarawak | RM168,124.00 | 221 | 1 | 222 |
| 13 | Sabah | RM182,784.33 | 5,206 | 2 | 5,208 |
| 14 | Labuan | RM78,515.00 | 509 | 0 | 509 |
| | Jumlah | RM858,486.33 | 11,164 | 8 | 11,172 |

2.6 Analisa Berkaitan Inap Desa di Malaysia

Dalam analisa ini, analisa SWOT iaitu Kekuatan (Strengths), Kelemahan (Weaknesses), Peluang (Opportunities), Ancaman (Threats) digunakan kerana analisa SWOT merupakan model asas untuk pembangunan pemasaran (Jadual 4). Dalam analisa SWOT ini, menunjukkan bahawa industri inap desa ini mempunyai kekuatan yang kuat dari segi tarikan semula jadi, harga berpatutan dan mengeratkan silaturahami masyarakat dan penduduk. Peluang dalam industri inap desa ialah mampu memberikan pendapatan sampingan, mencipta peluang keusahawanan dan berkongsi budaya dan cara hidup kampung. Kelamahan dan ancaman yang dihadapi adalah pengurusan yang lemah, kemunculan inap desa ‘palsu’ dan persaingan yang tinggi.

Jadual 4: Analisa SWOT (Ahmad *et al.*, 2011)

| | |
|---|---|
| <i>Strengths</i> (Kekuatan) | <i>Opportunities</i> (Peluang) |
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tarikan semulajadi ▪ Harga berpatutan ▪ Merapatkan hubungan antara anggota masyarakat ▪ Mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk ▪ Menjana pendapatan | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Memberikan pendapatan sampingan ▪ Membuka peluang keusahawanan ▪ Peruntukan dan bantuan daripada kerajaan ▪ Berkongsi aspek kebudayaan dan cara hidup antara tetamu dan keluarga angkat ▪ Menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam |
| <i>Weaknesses</i> (Kelemahan) | <i>Threats</i> (Ancaman) |
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pentadbiran dan pengurusan yang lemah ▪ Kurang pendedahan dan kurang kefahaman tentang perniagaan pelancongan ▪ Masalah komunikasi ▪ Kurang jaringan dengan industri pelancongan | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Persaingan daripada pelancongan agro dan pelancongan eko ▪ Kejutan budaya kepada masyarakat kampung ▪ Eksplotasi oleh pihak-pihak luar ▪ Persaingan antara inap desa berdekatan ▪ Kemunculan inap desa palsu |

2.7 Impak Program Inap Desa

Aktiviti industri homestay ini memberi impak kepada ekonomi, sosiobudaya dan persekitaran. Impak kepada ekonomi adalah memberi peluang pekerjaan meningkatkan pendapatan serta pendapatan negara melalui cukai. Impak sosiobudaya adalah memberi peluang pendidikan dan pertukaran budaya (Jadual 5). Impak kepada persekitaran gangguan ekologi, pembuangan sisa dan masalah kegunaan tanah.

Jadual 5: Impak-impak ekonomi, sosiobudaya dan persekitaran berkaitan pembangunan dan aktiviti pelancongan secara umum (Inskeep, 1991)

| | |
|--------------------|---|
| Impak ekonomi | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Peluang pekerjaan ▪ Meningkatkan pendapatan ▪ Pertukaran mata wang asing ▪ Pendapatan kerajaan melalui cukai |
| Impak sosio budaya | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Peluang pendidikan ▪ Aspek keselamatan dan kawalan ▪ Masalah sosial ▪ Pertukaran budaya |
| Impak Persekitaran | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Meningkatkan daya tarikan alam sekitar ▪ Masalah pembuangan sisa ▪ Gangguan ekologi ▪ Masalah kegunaan tanah |

2.8. Prestasi Pendapatan dan Kedatangan Pelancong Program Pengalaman Inap Desa di Malaysia

Sebelum wabak Covid-19 menular di Malaysia, pendapatan *homestay* menunjukkan trend yang baik. Pada tahun 2020, penularan Covid-19 mula menular dan hampir setahun pengusaha *homestay* ini mengalami kemerosotan pendapatan. Perbezaan pada tahun 2019 dan 2020 amat ketara kerana pendapatan *homestay* kehilangan hampir sebanyak RM20,000,000 iaitu daripada RM29,662,211 kepada RM9,124,122.

**Jadual 6: Prestasi pendapatan dan kedatangan pelancong program pengalaman inap desa di malaysia dari tahun 2017 hingga 2020
(Laporan Kementerian Pelancongan dan Seni Budaya Malaysia 2020)**

| Bil. | Perkara | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 |
|------|------------------------|---------------|---------------|---------------|--------------|
| 1. | Pelancong domestik | 321,115 | 290,153 | 373,558 | 114,639 |
| 2. | Pelancong antarabangsa | 61,846 | 82,322 | 85,341 | 19,378 |
| 3. | Jumlah | 382,961 | 372,475 | 458,899 | 134,017 |
| 4. | Jumlah pendapatan (RM) | 30,124,466.06 | 27,637,074.00 | 29,662,211.60 | 9,124,122.66 |

2.9 Isu-Isu dan Cabaran yang Dihadapi oleh Pengusaha Inap Desa

Kajian oleh Ahmad et al. (2011) mendapati terdapat beberapa isu dan cabaran oleh *homestay* telah dikenalpasti iaitu seperti berikut:

(a) Kelemahan Pengendalian Homestay

Sebilangan besar kampung tidak mempunyai jawatankuasa inap desa yang terpisah, yang biasanya diserap ke dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Untuk menjamin bahawa perancangan dan pengurusan inap desa berjalan dengan berkesan, struktur organisasi yang terpisah mesti dibentuk dari jawatankuasa lain. Cabaran utama dalam menjayakan program inap desa

adalah untuk mendidik peserta dan penduduk kampung mengenai pentingnya kebersihan serta perkhidmatan pengguna.

(b) *Kekangan Sumberjaya Manusia*

Majoriti peserta dan individu *homestay* yang merupakan penggerak program utama ianp desa adalah berusia di antara 50 dan 65 tahun. Ini disebabkan oleh belia luar bandar yang berhijrah ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan. Sekiranya masalah ini tidak ditangani dengan serius, program inap desa tidak akan dapat bertahan dalam jangka masa panjang kerana kekurangan waris untuk memindahkan program ini. Masalah Gangguan Bekalan dan Penyelenggaraan

(c) *Masalah Gangguan Bekalan dan Penyelenggaraan*

Majoriti peserta dan individu *homestay* yang merupakan penggerak program utama berusia antara 50 dan 65 tahun. Ini disebabkan oleh belia luar bandar yang berhijrah ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan. Sekiranya masalah ini tidak ditangani dengan serius, program inap desa tidak akan dapat bertahan dalam jangka masa panjang kerana kekurangan waris untuk memindahkan program ini. Ini menjadikannya sukar untuk yang terbiasa dengan mudah di *homestay* dan mungkin tidak lagi minat semasa ke destinasi ini

(d) *Pertentangan Budaya antara Pelancong dengan Tuan Rumah (Host)*

Pada asasnya, *homestay* merupakan satu bentuk kemudahan penginapan dimana pelancong tinggal bersama tuan rumah untuk mempelajari dan mendapatkan pengalaman tentang cara hidup sehari-hari tuan rumah dan masyarakat tempatan. Salah satu kesan negatif daripada program ini telah mewujudkan pertentangan budaya antara pelancong dan tuan rumah.

3. Metodologi Kajian

Bahagian ini membincangkan metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Ia bertujuan memberi penjelasan bagaimana kajian dijalankan, data-data diperolehi dan dianalisis bagi mendapat maklumat yang tepat. Perkara-perkara yang disentuh dalam bab ini antaranya reka bentuk kajian, responden kajian, tempat dan lokasi kajian, pembolehubah operasional, instrumen kajian, prosedur pengumpulan dan penganalisaan data.

3.1 Peringkat Penyelidikan

Kajian ini dibuat secara berperingkat daripada satu tahap ke satu tahap seperti yang telah digambarkan pada rajah sebelum ini. Carta aliran ini merupakan elemen penting yang membantu untuk memberi gambaran proses yang lebih sistematik dan lancar sepanjang kajian ini dijalankan. Peringkat penyelidikan ini terbahagi kepada lima peringkat untuk mencapai objektif kajian. Peringkat I merangkumi pemilihan tajuk, mengenal pasti isu dan masalah, membentuk objektif dan skop kajian. Peringkat II merujuk kepada kajian literatur dan peringkat III adalah peringkat pengumpulan data dan maklumat. Manakala, peringkat IV adalah analisis data dan penemuan kajian dan peringkat V merupakan peringkat kesimpulan dan cadangan.

3.2 Kaedah Kajian

Kaedah kajian ini menggunakan teknik kualitatif iaitu dari aktiviti temubual dan juga perolehan data dari sumber sekunder.

(a) *Sumber Primer*

Data-data primer yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah temubual. Pengumpulan data primer diperolehi daripada hasil temubual dengan responden dari kawasan yang berbeza. Kawasan yang dipilih adalah kawasan yang mempunyai inap desa.

Jadual 7: Jenis kawasan serta lokasi kajian

| Jenis kawasan | Lokasi |
|-------------------|-----------------------------|
| Kawasan Perumahan | Taman Tangkak |
| | Taman Harmoni |
| | Taman Tun Syed Nasir |
| | Taman Muhibah |
| | Taman Serom Utama |
| Kampung | Kampung Tanjung Agas |
| | Kampung Tanjung Gading Laut |
| | Kampung Parit Bunga |
| | Kampung Sagil |

(b) Sumber Sekunder

Data sekunder juga merupakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain dan data ini boleh dikelaskan dalam jurnal, buku, majalah, laporan kerajaan dan data sejarah. Dalam kajian ini data sekunder yang disokong adalah bahan bacaan dan laman sesawang yang berkaitan inap desa.

3.3 Analisa Data

Data-data yang dikumpul menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual yang dibuat di sekitar kawasan kajian iaitu daerah Tangkak, Johor. Melalui kajian ini, penyelidik memilih untuk menggunakan kaedah analisis tematik dalam penggunaan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat sepanjang kajian.

(a) Temubual Semi-Struktur

Format kaedah temubual ini terletak antara temubual berstruktur dan juga temu semi-struktur. Melalui format temubual semi-struktur ini, penyelidik menyoal soalan formal yang dibina tetapi penemubual iaitu penyelidik sendiri mempunyai kebebasan untuk menyoal lebih mendalam lagi mengenai jawapan responden yang telah ditanya secara formal.

(b) Kaedah Analisis Tematik

Analisis ini menitik beratkan pada suatu tema tertentu yang bertujuan untuk mengetahui secara lebih terperinci serta dapat membuktikan suatu hal yang berkaitan dengan tema tertentu. Oleh demikian, tujuan analisis tematik adalah untuk menghasilkan suatu penemuan yang berdasarkan pada tema.

4. Analisis Kajian

Pengusaha-pengusaha telah menjawab beberapa soalan bagi memastikan objektif impak yang dihadapi oleh mereka semasa penularan wabak Covid-19 dapat dicapai. Seterusnya, mereka ditemu bual berkaitan pendapatan serta strategi yang digunakan bagi menangani kemeresotan pendapat akibat impak Covid-19 ini.

4.1 Pengumpulan Data

Bagi mendapatkan maklumat dalam kajian ini seramai 30 orang responden yang terdiri daripada pengusaha inap desa di daerah Tangkak (Jadual 8). Penyelaras *homestay* Kampung Sagil merupakan Ketua Kampung yang mewakili 15 pengusaha *homestay* untuk menguruskan *homestay*. Pengusaha *homestay* yang berdaftar di Syarikat Suruhanjaya Malaysia seramai 13 orang, mengusahakan *homestay* mereka secara individu tidak mewakili mana-mana agensi atau kawasan. Semasa kajian dijalankan, *homestay* di Kampung Sagil banyak memberi respon, pandangan dan pendapat yang baik untuk kajian ini kerana pengusaha di Kampung Sagil telah lama berkecimpung dalam industri *homestay*.

Jadual 8: Senarai Pengusaha-Pengusaha Homestay

| Nama / Nama <i>homestay</i> | Bahagian / Jawatan | Jumlah |
|---|------------------------------|----------|
| Hj. Ab. Ghani Bin Md Yassin | Penyelaras dan ketua kampung | 1 orang |
| Hj. Omar Bin Rosidi | Pembantu dan pengusaha | 1 orang |
| Pengusaha – pengusaha <i>Homestay</i> Kampung Sagil | Pengusaha | 15 orang |
| Pengusaha <i>homestay</i> berdaftar di Syarikat Suruhanjaya Malaysia | Pengusaha | 13 orang |

4.2 Impak-impak Yang Dihadapi Oleh Pengusaha Inap Desa

Sebelum penularan Covid-19 timbul di Malaysia, pengusaha-pengusaha menyatakan kegunaan *homestay* mereka. Senarai di bawah merupakan kegunaan *homestay* di daerah Tangkak:

1. Melakukan program bersama kerajaan dan juga agensi luar
2. Membuat majlis seperti pekahwinan dan kenduri
3. Dijadikan sebagai penginapan pelancongan.
4. Beristirehat sementara waktu kerana pekerjaan dan lain-lain

Impak-impak yang akan disenaraikan terbahagi kepada dua iaitu pengusaha-pengusaha di Kampung Sagil yang telah berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia dan pengusaha-pengusaha mendaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

(a) Kekurangan pelancong dan pengguna terhadap *homestay*.

Kekurangan pelancong dan pengguna terhadap *homestay* ini adalah kerana perintah kerajaan bagi memastikan kawalan covid dan penyebaran covid dapat dibendung. Pada waktu itu, semua rakyat Malaysia diminta untuk duduk dirumah dan tidak bergerak sesuka hati tanpa alasan yang kukuh. Disebabkan perkara ini, permintaan *homestay* berkurangan serta merosot.

(b) Kurangnya aktiviti program dilaksanakan oleh kerajaan dan agensi terlibat.

Kampung Sagil mempunyai daya tarikan tersendiri seperti budaya mereka, silaturahim orang kampung serta adat mereka menerima masyarakat luar. Menyatakan, mereka sekian lama tidak menerima mana-mana kunjungan atau lawatan daripada luar selain mereka yang ingin menggunakan *homestay* sebagai penginapan.

(c) Rumah *homestay* ditinggalkan dan terbiar sehingga usang dan mengalami kerosakan

Kebanyakan responden yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, memberi respon terhadap impak ini. Hampir tiga – tujuh bulan pengusaha tidak dapat ke kawasan *homestay* kerana Perintah Kawalan Pergerakkan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Disebabkan itu, pelbagai kerosakan dapat dikesan sewaktu Covid-19 menular di dalam Malaysia.

4.3 Pendapatan Inap Desa

Pendapatan pengusaha *homestay* dari tahun 2016 hingga 2020. Peningkatan daripada 2016 ke 2017 dapat dilihat iaitu daripada RM1,682,604 meningkat kepada RM2,309,269 (Rajah 2). Selepas itu, 2018 sehingga 2020 menunjukkan trend penurunan daripada RM1,319,185 sehingga RM539,986. Purata jumlah pendapatan pengusaha *homestay* di Kampung Sagil adalah dalam linkungan Rm250 sehingga RM300 sebulan yang melalui Program Pengalaman *Homestay* Malaysia, manakala yang tidak melalui program tersebut adalah RM100 – RM200 sebulan. Pendapatan *homestay* yang berdaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia RM500 – RM700.



Rajah 2: Pendapatan program pengalaman homestay di Johor dari 2016 hingga 2020
(Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia, 2021)

Di daerah Tangkak, majoriti pelancong hanya tertumpu kepada Gunung Ledang. Daya tarikan pelancongan di daerah Tangkak masih lagi tidak dipelbagaikan bahkan juga R19 juga pernah menyatakan bahawa “Bandar Tangkak ini masih lagi dikategorikan sebagai kampung. Jumlah penduduknya tidak ramai menyebabkan banyak kompleks beli belah tutup dan menyebabkan pelancong kurang berminat ke Tangkak”. Secara keseluruhan, di daerah Tangkak pendapatan mereka masih lagi kurang memuaskan oleh sesetengah pengusaha.

4.4 Strategi Pengusaha Untuk Menangani Kemeresotan Pendapatan Covid-19

Hasil kajian mendapati bahawa hampir kesemua pengusaha *homestay* di daerah Tangkak tidak mempunyai pendapatan hasil daripada penginapan *homestay*. Oleh hal yang demikian, pengkaji bertanyakan strategi dan pandangan pengusaha sendiri untuk mengatasi masalah pendapatan pada musim Covid-19

(a) Strategi Penyewaan Secara Bulanan Dan Mingguan Kepada Pengguna.

Pengusaha *homestay* yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia menyatakan bahawa mereka menggunakan kaedah sewaan kepada pengguna sewaktu Perintah Kawalan Pergerakkan diperkenalkan oleh kerajaan. Responden yang melalui program *homestay* kementerian berpendapat bahawa jika mereka menyewakan kepada penyewa, konsep sebenar *homestay* akan bercanggah walaupun ia memberikan pendapatan.

Pengusaha *homestay* yang menyewakan *homestay* mereka tidak ramai. Malah pengusaha yang menyewakan *homestay* ini mengatakan sewaan bulanan dan sewaan satu malam adalah berbeza kerana pendapatan agak berbeza malah penjagaannya juga berbeza.

- Sewaan bulanan yang dikenakan : RM150 – RM500

- Sewaan satu malam yang dikenakan :RM100 – RM180

(b) *Menaik Taraf Dan Fasiliti Homestay*

Hasil kajian mendapati pengusaha-pengusaha bersepakat bahawa *homestay* mereka harus dinaik taraf bagi memastikan keselesaan diberikan kepada penginap, pengguna dan pelancong *homestay*. Senarai di bawah perkara-perkara yang boleh dilakukan kepada pengusaha *homestay*:

1. Memasang internet atau wi-fi di setiap unit *homestay*
2. Menyediakan penghawa dingin
3. Menyediakan peti sejuk dan tempat memasak yang kondusif
4. Menyediakan katil dan tilam yang lebih selesa
5. Memasang peralatan keselamatan

(c) *Menyediakan Perkhidmatan dan Kemudahan Yang Kondusif*

Hasil kajian mendapati strategi ini amat sesuai dan selari dengan strategi menaik taraf *homestay*. Perkhidmatan yang dimaksudkan adalah pengusaha memastikan pengguna dan pelancong mendapat keselesaan yang baik (Jadual 9). Kemudahan yang diberikan kepada seperti tempat tidur, ruang memasak, dan ruang tamu lebih kondusif.

| | Kemudahan | Perkhidmatan |
|---|---|--|
| 1 | Menyediakan kenderaan seperti basikal, atau motorsikal kepada pengguna. | Menyediakan perkhidmatan pekerja untuk membantu pengguna |
| 2 | Menyediakan ruang yang banyak kepada pengguna demi keselesaan jika berkumpul | Menyediakan makan dan minum apabila <i>homestay</i> digunakan |
| 3 | Menjaga SOP pengguna dengan menyediakan ‘sanitizer’ dan alatan untuk membasmi kuman | Memperketatkan dan praktikan SOP yang tinggi kepada pengguna sebelum masuk dan keluar daripada <i>homestay</i> |

(d) *Mempromosikan Homestay Melalui Laman Web dan Media Sosial*

Salah satu strategi yang digunakan oleh pengusaha-pengusaha *homestay* bagi memastikan *homestay* mereka dapat menjana pendapat ialah menggunakan platform media sosial, laman web dan video dalam talian. Strategi ini telah lama digunakan oleh pengusaha-pengusaha yang berada dikawasan yang mempunyai daya tarikan pelancongan yang tinggi. Senarai di bawah ialah platform boleh digunakan untuk mempromosikan *homestay*:

- Oyo (<https://www.oyorooms.com/my/>)
- Homestay Malaysia (<https://www.homestay.com/malaysia>)
- Booking.com (<https://www.booking.com/>)
- LetgoHoliday <https://www.letsgoholiday.my/>)
- Agoda (<https://www.agoda.com/>)

Saluran melalui Google dan media sosial seperti:

- Facebook
- Twitter
- Instagram
- Google

(e) *Mengenakan Harga Yang Menarik dan Berpatutan*

Harga yang dikenakan kepada pengguna haruslah berpatutan dan sesuai dengan situasi semasa. Pengusaha tidak seharusnya mementingkan keuntungan semata-mata kerana sesetengah pengguna akan

membandingkan harga serta perkhidmatan yang diterima. Responden-responden yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia mengenakan harga yang agak tinggi berbanding pengusaha yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Responden di Kampung Sagil mengenakan harga RM100 satu malam, manakala responen yang berada di sekitar daerah Tangkak mengenakan harga RM150 – RM175 satu malam. Harga akan lebih mahal dan sedikit tinggi apabila pengguna menggunakan tempahan melalui aplikasi atau platform media.

5. Kesimpulan

Kesimpulanya, Covid-19 memang memberi impak yang buruk kepada pengusaha-pengusaha homestay di daerah Tangkak. Sewaktu Covid-19 pelbagai tindakan kerajaan seperti Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP) dilaksanakan bagi memastikan wabak ini dapat dibendung dan ianya memberi kesan kepada pengusaha homestay. Terdapat pelbagai strategi yang digunakan oleh pengusaha homestay bagi memastikan mereka dapat menangani masalah pendapatan mereka. Cadangan kajian kepada pengusaha homestay di Kampung Sagil adalah mencari pelapis untuk mengusahakan homestay di kampung supaya budaya dan adat kampung untuk tidak dilupakan. Cadangan seterusnya adalah bekerjasama dengan homestay di kawasan lain supaya dapat menerima pelancong dan pengguna luar lebih ramai. Kerjasama antara pengusaha-pengusaha homestay daerah Tangkak haruslah diselaraskan supaya daya tarikan di Tangkak dapat dipertingkatkan. Cadangan pengkaji kepada kerajaan adalah untuk memberikan insentif dan bantuan kepada pengusaha-pengusaha homestay yang terkesan dengan penularan wabak Covid-19 tanpa mengira latar belakang. Kerajaan boleh mempromosikan budaya kampung dan agro pelancongan melalui program homestay ini secara domestik.

Penghargaan

Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan sokongan yang diberikan.

Rujukan

- Ahmad, M. Z., Ibrahim, J. A., & Zakaria, N. (2011). Inap Desa sebagai Satu Agen Pembangunan Sosioekonomi Komuniti : Menelusuri Perspektif Pelajar-Pelajar Pengurusan Pelancongan UUM *Homestay as a Socioeconomic Community Development Agent : From UUM Tourism Management Students' Perspective*. *Prosiding Perkem Vi*, 2, 481–493.
- Amran Hamzah. (2004). The Evolution of The Homestay Programme In Malaysia : Performance, Sustainability And Challenges. *Country Paper Presented of the ASEAN Homestay Conferences. Organise by the Ministry of Tourism Malaysia.*,
- BERNAMA. (2020). *Coronavirus: Malaysia records first local transmission.* <https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1811990>
- Hall, R. &. (2001). *Tural Tourism and Recreational Principle to practice.*
- Kandola, A. (2020). *Coronavirus cause: Origin and how it spreads.* <https://www.medicalnewstoday.com/articles/coronavirus-causes>
- Kementerian Pelancongan, S. dan B. M. N. M. (n.d.). *Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.* <http://www.motac.gov.my/>
- Lashley, C and Morrison, A. (eds. . (2000). *In Search of Hospitality: Theoretical Perspectives and Debates.* Oxford: Butterworth-Heinemann.
- News, A. (2020). *ultiple-countries/12066092.* <https://www.abc.net.au/news/2020-03-19/coronavirus-spread-from-malaysian-event-to-multiple-countries/12066092>
- Ozili, P. K., & Arun, T. (2020). Spillover of COVID-19: Impact on the Global Economy. *SSRN Electronic Journal, March.* <https://doi.org/10.2139/ssrn.3562570>
- WHO. (2020a). *WHO - Corona disease.* https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019?gclid=CjwKCAjwqvF7EiwAER786ZyY21S9a-EJaeyDBw5UrMw5d51TCARR5mT7FvmwmQp0N8PDV48pcRoCI-wQAvD_BwE

WHO. (2020b). WHO - COVID-19 timeline. <https://www.who.int/news/item/27-04-2020-who-timeline---covid-19>

Yusof, Y. Amin, (2012). Transformational leadership and organisational commitment in *homestay* programme. *Proceeding on International Business and Economics*.

Zainon, Z. (2010). Galak Khidmat Homestay Terbaik. Artikel Utusan Malaysia. *Artikel Utusan Malaysia*